

Russia sudah melebihi batas: Anwar

SEREMBAN, Ahad — Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim, mensifatkan amaran Russia ke atas negara-negara Asean mengenai isu Kambochea sudah melebihi batas.

Sebagai sebuah kuasa besar di dunia, Russia tidak boleh memberi amaran seperti itu walaupun ke atas sebuah negara kecil seperti Malaysia.

Ketika merasmikan mesyuarat agung perwakilan Pergerakan Pemuda Umno bahagian Tampin di sini hari ini beliau berkata, inilah pertama kali sebuah negara asing

berani memberi amaran kepada pemimpin negara ini selepas konfrontasi Indonesia-Malaysia 1965 lalu.

Encik Anwar yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia menggesa golongan pemuda di negara ini supaya sedia menghadapi kemungkinan atas tindak-tanduk Russia itu.

Maruah bangsa

"Pemuda tidak boleh menganggap perkara ini kecil sahaja dan tidak ada kena-mengena dengan maruah bangsa kita," tegas Encik Anwar.

"Pengalaman di Afghanistan, misalnya, sudah cukup menjadi contoh atas tindakan kejam Russia."

Bagaimanapun, jelas Encik Anwar, sehingga ini Russia masih belum dapat memamatkan semangat mujahiddin Afganistan yang berjuang menegakkan maruah bangsa mereka walaupun Russia mempunyai senjata yang lengkap.

"Di sini jelas pihak mujahiddin yang akan menegakkan kebenaran atas perjuangan benar mereka. Sekiranya Russia ingin menunjukkan biadabnya pula kepada negara ini hapuskan dulu pemuda-pemuda Melayu di negara ini," tegas beliau.

Menyentuh soal politik semasa di negara ini, Encik Anwar mengesyorkan semua golongan Pemuda terutama dalam Barisan Nasional sentiasa berunding sesama sendiri untuk menguatkan persefahaman.

"Rundingan-rundingan begini boleh memantangkan Pemuda untuk melahirkan persefahaman yang lebih bermakna tanpa melanggar prinsip, tetapi berpijak di bumi nyata," tegasnya.

Pemuda juga digesa mengamalkan pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan seperti konsep Bersih Cekap Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan, Dasar Pandang Ke Timur, Persyarikatan Malaysia dan sebagainya.

"Tidak ada gunanya kita laung-laungkan konsep itu kalau kita sendiri tidak melakukannya."

Sambil mengesyorkan konsep itu hendaklah digunakan membaiki diri sendiri terlebih dahulu, Encik Anwar berharap Pemuda tidak menganggap pembaharuan yang dibuat oleh Kerajaan sekarang terlalu 'laju'.

"Sebagai tenaga muda Pemuda Umno hendaklah berdisiplin, bermoral dan kuat bekerja bagi melengkapkan diri sebagai bangsa yang bermaruah dan berpendirian. Istilah laju sepatutnya tidak timbul di kalangan Pemuda."

Mengenai masalah dadah pula, Encik Anwar mengesakan ketua-ketua Pemuda Umno cawangan berusaha memerangnya dan menganggap tugas itu sebagai cabaran yang perlu diatasi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia